



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Gagal mematuhi harga yang ditetapkan dan peraturan tanda harga di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142, sebelas buah premis perniagaan dikenakan kompaun dan notis amaran di sepanjang bulan September 2023

Tarikh: 14 Oktober 2023

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mendapati sebanyak sebelas kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya, di sepanjang bulan September 2023.
2. Berikutan hasil pemeriksaan ke premis-premis perniagaan yang dijalankan secara rutin di sepanjang bulan September 2023 di bawah mandat penguatkuasaan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya, JPES telah mengeluarkan empat tawaran kompaun kepada empat buah premis perniagaan kerana gagal mematuhi Akta berkenaan dengan keterangan seperti di bawah:

Bil.	Nama syarikat	Kesalahan	Tindakan (Kompaun)
1	Seri Yasra Enterprise Sdn Bhd, Kg Jangsak	Bab 3B: Melebihi harga dan bayaran maksimum yang ditetapkan oleh Pengawal Harga	\$500.00
2	Aprina Supermarket Sdn Bhd Kg. Tungku		\$500.00

3	Seri Shajua Trading Jalan Kumbang Pasang	(produk minyak masak)	\$500.00
4	Shahi Jaya Sdn Bhd Bandar Seri Begawan	Bab 5: Tidak mempamerkan harga pada mana-mana barangan atau jenis barangan	\$500.00

3. Di samping itu, sebanyak tujuh Notis Amaran dikeluarkan kepada tujuh buah premis perniagaan pada bulan September 2023 atas kesalahan-kesalahan seperti gagal mempamerkan tanda harga bagi sebahagian barangan yang dijual di dalam premis perniagaan dan mempamerkan harga yang tidak selaras dengan sistem pembayaran di kaunter.
4. Di kesempatan ini, pihak JPES sekali lagi menyarankan kepada para peniaga untuk sentiasa peka terhadap perundangan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan seterusnya memastikan harga yang dijual bagi barangan yang dikawal harga tidak melebihi harga maksimum yang telah ditetapkan serta memastikan barangan yang dijual di dalam premis perniagaan dipamerkan tanda harga yang jelas, tepat dan tidak mengelirukan pengguna.
5. Orang ramai yang ingin membuat aduan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 boleh melaporkan melalui saluran-saluran rasmi berikut dengan menyertakan dokumen sokongan seperti resit pembayaran dan gambar sebagai bukti:
 - Aplikasi mudah alih PenggunaBijak
 - Talian Darussalam 123
 - E-mel aduanpengguna@jpes.gov.bn

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi